

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
(PENDANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.08.2017

Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah sukuk yang dikeluarkan oleh Kerajaan dan tahun matang yang dipegang oleh orang asing.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sukuk yang diterbitkan oleh Kerajaan Persekutuan merangkumi sukuk dalam negeri (Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia - MGII) dan sukuk global. Sehingga akhir Jun 2017, hutang dalam instrumen MGII adalah berjumlah RM261.5 billion atau 19.9% daripada KDNK. Daripada jumlah ini, 7.8% dipegang oleh bukan pemastautin.

2. Bagi sukuk global pula, sehingga akhir Jun 2017 adalah berjumlah USD3.8 billion (RM16.5 billion) atau 2.4% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan. Sukuk global ini telah diterbitkan pada tahun 2002, 2010, 2011, 2015 dan 2016. Sukuk global terbitan 2002 dan 2010 telah matang dan ditebus semula masing-masing pada tahun 2007 dan 2015.

3. Sukuk global terbitan 2011 adalah berjumlah USD2.0 bilion dengan dua tempoh matang 5 tahun dan 10 tahun. Bagi sukuk yang bertempoh matang 5 tahun (USD1.2 bilion) telah ditebus pada Jun 2016 manakala sukuk yang bertempoh matang 10 tahun (USD0.8 bilion) pula akan matang pada tahun 2021.

4. Sukuk global terbitan 2015 pula telah diterbitkan dengan jumlah USD1.5 billion mempunyai dua tempoh matang iaitu 10 tahun dan 30 tahun. Sukuk bertempoh matang 10 tahun yang berjumlah USD1 billion akan matang pada tahun 2025 dan sukuk bertempoh matang 30 tahun berjumlah USD500 million pula akan matang pada tahun 2045.

5. Sukuk global terbitan 2016 telah diterbitkan dengan jumlah USD1.5 billion mempunyai dua tempoh matang 10 tahun dan 30 tahun. Sukuk bertempoh matang 10 tahun berjumlah USD1 billion akan matang pada tahun 2026 dan sukuk bertempoh matang 30 tahun berjumlah USD500 million akan matang pada tahun 2046.

6. Hutang Kerajaan yang diterbitkan melalui sukuk global ini sebahagian besarnya, meliputi 70% dipegang oleh institusi bukan pemastautin meliputi Timur Tengah, Eropah dan Amerika Syarikat. Selebihnya atau 30% pula dipegang oleh pelabur domestik seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), institusi perbankan tempatan dan pelbagai institusi lain seperti syarikat insurans, institusi kewangan pembangunan, serta Bank Negara Malaysia.